

23 APR 2002

Galeri-Mahathir

MELAKA TUBUH GALERI WAWASAN DR MAHATHIR

MELAKA, 23 April (Bernama) -- Kerajaan Melaka akan menubuhkan pusat sumber mengenai pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di Ayer Keroh, dekat sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata pusat sumber itu yang dikenali sebagai Galeri Wawasan 2020 akan menempatkan semua hasil penulisan Dr Mahathir dan hasil penulis lain mengenai Perdana Menteri yang kini berjumlah lebih 200 tajuk.

"Galeri Wawasan itu akan memudahkan pelajar dan orang ramai membuat rujukan mengenai pemikiran Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan "Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad" di sini hari ini.

Kolokium dua hari itu bertujuan antara lain mengupas kejayaan dan kecemerlangan Dr Mahathir dalam mentadbir negara anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Mohd Ali berkata semua rumusan, dialog dan kertas kerja kolokium itu akan dibukukan oleh IKSEP.

Antara pembentang kertas kerja pada kolokium itu ialah Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed yang membincangkan pemikiran Perdana Menteri mengenai ekonomi.

Mohd Ali berkata kerajaan negeri akan mengadakan kolokium serupa kepada pegawai kerajaan negeri, sektor korporat dan ahli politik di negeri ini supaya idea Dr Mahathir dalam menerajui negara dikembangkan dengan lebih terperinci.

"Ini merangkumi semua skop pemikiran Perdana Menteri termasuk politik, ekonomi, sains dan teknologi," katanya.

Beliau juga berkata satu piala pusingan "Tropi Pemikiran Dr Mahathir" turut dicadangkan untuk pemenang dalam pertandingan perbahasan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri.

-- BERNAMA

NO NMO